

# Tadabbur Dengan Soalan Halaman 15 QS 2:98-101

Mohd Harfiz Bin Hamzah

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:98

مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ  
اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ ﴿٩٨﴾

2:98. Barang siapa yang menjadi musuh Allah, malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya, Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah adalah musuh orang-orang kafir.

Jawapan: Musuh adalah yang berusaha atau yang menimpakan mudharat pada yang dimusuhinya. Jika Allah memusuhi seseorang, itu bererti ancaman siksa atau jatuhnya siksa itu atasnya. Di sisi lain, seseorang dinilai memusuhi Allah, jika ia melanggar perintah-Nya dengan sengaja dan angkuh. Demikian itu maknanya, kerana tidak satu pun yang dapat memusuhi-Nya, dalam erti berusaha atau yang menimpakan mudharat pada-Nya. (Misbah, 1/273)

Amal: Sentiasa berusaha untuk mematuhi segala perintah Allah dan merendahkan diri serendahnya di hadapanNya.

Soalan: Apakah yang dimaknai dengan musuh?

Jawapan: Keduanya disebut secara khusus, kerana siyaq (redaksi) berkenaan dengan pembelaan kepada Jibril yang merupakan duta antara Allah dan para nabi-Nya. Lalu Allah menyertai penyebutannya dengan Mikail, kerana orang Yahudi mengaku bahawa Jibril sebagai musuh mereka sedangkan Mikail sebagai penolong mereka. Maka Allah Ta'ala memberitahukan, barangsiapa memusuhi salah satu dari keduanya Jibril dan Mikail, bererti ia telah memusuhi yang lainnya juga memusuhi Allah. (Ibn Kathir: 1/196)

Amal: Jangan sesekali memusuhi mana-mana kekasih Allah.

Soalan: Mengapa dikhususkan sebutan Jibril dan Mikail?



Jawapan: Sesiapa yang memusuhi wali-wali Allah, maka dia telah memusuhi Allah. Sesiapa yang memusuhi Allah, maka Allah juga memusuhinya. Sesiapa yang Allah telah memusuhinya, maka dia rugi di dunia dan di akhirat (Ibn Kathir: 1/127).

Amal: Perhatikan kenalan-kenalan dan rakan rakan anda. Cuba untuk bergaul dengan mereka yang anda rasakan bahawa mereka adalah para wali Allah.

Soalan: Apakah bahaya memusuhi wali-wali Allah?

( اَللّٰهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيْلَ، وَمِيكَائِيْلَ، وَإِسْرَافِيْلَ، فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ، أَلْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ، اهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ  
الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ. )

"Ya Allah, Rabb Jibril, Mikail, dan Israfil, pencipta langit dan bumi, yang mengetahui segala hal yang ghaib dan yang nyata, Engkau yang memberikan keputusan di antara hamba-hamba-Mu mengenai apa yang mereka perselisihkan. Tunjukkanlah kepadaku kebenaran dari apa yang diperselisihkan itu dengan izin-Mu. Sesungguhnya Engkau memberi petunjuk kepada siapa yang Engkau kehendaki ke jalan yang lurus."

Amal: Hafallah doa ini dan bacalah ia saat bangun di tengah malam.

Soalan: Apakah doa yang wajar dibaca ketika bangun malam?

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:99

وَلَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ وَمَا يَكْفُرُ بِهَا إِلَّا الْفَاسِقُونَ



2:99. Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu ayat-ayat yang jelas; dan tak ada yang ingkar kepadanya, melainkan orang-orang yang fasik.

Jawapan: Dikatakan (fasaqa fulan), ertinya fulan keluar dari aturan syariat. Diambil dari ucapan orang arab ,(fasaqa ar-ruthabu),yakni ketika kurma basah itu telah keluar dari kulitnya. Dan kata ini lebih umum daripada kata (kufur). Kata (al-fisq) dapat diucapkan untuk menunjukan dosa yang sedikit mahupun banyak, meskipun pada penggunaannya ia lebih dikenal untuk menunjukan dosa yang besar. Dan sering kata,(al-fasiq) disematkan kepada orang yang mengakui syariat, kemudian melanggar semua atau sebahagian hukum-hukumnya. Sedangkan apabila orang kafir dikatakan sebagai faasiq, maka kerana dia telah mencederai logika serta fitrah yang ditunjukkan oleh akal sehat. (Al-Asfahani, 3/64)

Amal: Jangan sesekali memadam remeh pada perbuatan fasiq.

Soalan: Apakah makna fasiq dari sudut bahasa?



Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:100

أَوْ كَلَّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا نَّبَذَهُ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ



2:100. Patutkah (mereka ingkar kepada ayat-ayat Allah), dan setiap kali mereka mengikat janji, segolongan mereka melemparkannya? Bahkan sebahagian besar dari mereka tidak beriman.



Jawapan: Telah berkali-kali mereka ingkar janji. Mereka ingkar janji kepada Allah melalui Nabi Musa as. untuk tidak mempersekutukan Allah, namun mereka menyembah anak sapi, untuk tidak mengail di hari Sabtu, tetapi mereka membendung ikan dan mengambilnya di hari lain, dan masih banyak yang lain. Mereka juga mengingkari janji terhadap Nabi Muhammad saw., antara lain dalam peristiwa perang Khandaq. Ketika itu mereka bermaksud memberi kesempatan kepada kaum musyrik untuk menyerang kaum muslim. Jika demikian, mengingkari janji telah menjadi sifat yang melekat dan membudaya pada diri mereka. Kerana itu, tidak perlu terlalu sedih, wahai Muhammad, atas sikap dan perlakuan mereka terhadapmu, dan terhadap ajaran yang engkau bawa. (Misbah: 1/275)

Amal: Dakwah kepada bangsa Yahudi memerlukan ketegaran hati yang kuat.

Soalan: Mengapakah Rasul tidak perlu terlalu bersedih dengan lemparan mereka?

## Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:101

وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ كِتَابَ اللَّهِ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

2:101. Dan setelah datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah yang membenarkan apa (kitab) yang ada pada mereka, sebahagian dari orang-orang yang diberi Kitab (Taurat) melemparkan Kitab Allah ke belakang (punggung) nya seolah-olah mereka tidak mengetahui (bahwa itu adalah Kitab Allah).

Jawapan: Sufyan bin 'Uyainah berkata bahawa orang-orang Yahudi disebut melemparkan kitab Taurat di dalam ayat ini kerana mereka membalut kitab Taurat di dalam sutera dan kain-kain yang ditenun serta menghiasinya dengan emas dan perak, namun tidak beramal dengannya (Al-Baghawi: 1/82)

Amal: Penghormatan sebenar terhadap kitab Allah adalah dengan berusaha memahami dan mengamalkan isi kandungannya dalam kehidupan.

Soalan: Apakah penghormatan yang sebenar terhadap kitab Allah, dan apa pula yang sebenarnya dimaksudkan dengan melemparkannya?

Jawapan: Dalam hal ini melemparkan sesuatu, boleh ke depan, dan boleh juga ke-belakang. Jika kedepan, boleh jadi si pelempar masih melihatnya, sehingga terfikir untuk mengambil kembali, dan mengambilnya pun tidak sesulit dari yang dilempar ke belakang. Bila dilempar ke belakang, maka ia ditinggal dan tidak terlihat lagi. Begitulah sikap mereka terhadap kitab Allah. (Misbah: 1/277)

Amal: Perhatikan bagaimana degilnya bangsa Yahudi. Bacalah sejarah mereka semenjak dahulu hingga sekarang agar kita mengenali sikap mereka dengan benar.

Soalan: Mengapa disebut melempar ke belakang?



Jawapan: As:-Suddi mengatakan, "Ketika Muhammad datang kepada mereka, mereka menentang dan menyerangnya dengan menggunakan kitab Taurat, dan ketika terbukti tidak ada pertentangan antara Taurat dengan al-Qur'an, maka mereka pun melemparkan Taurat. Kemudian mereka mengambil kitab Ashif dan sihir Harut dan Marut, yang jelas tidak sesuai dengan al-Qur'an. (Ibn Kathir: 1/201)

Amal: Berpegang teguhlah dengan al-Quran kerana para penentangannya akan sentiasa mencari hujah yang berbeza sehingga mereka merasakan dapat melemahkan al-Quran.

Soalan: Seolah mereka tak tahu? Jelaskan